



UM.TNC1(SKET)/422/3/1

5 Mac 2012

**KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN**

Tuan/Puan,

**PRAKTIKUM HARI KEUSAHAWANAN BAGI KURSUS GXEX1412-ASAS PEMBUDAYAAN  
KEUSAHAWANAN SEMESTER II SESI 2011/2012**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

Sukacita dimaklumkan bahawa Seksyen Kokurikulum, Elektif Luar Fakulti & TITAS (SKET) akan mengadakan Hari Keusahawanan Universiti Malaya sebagai memenuhi keperluan Kursus GXEX 1412 – Asas Pembudayaan Keusahawanan. Kursus ini membawa pemberatan markah sebanyak 50% bagi Semester II, Sesi 2011/2012 yang akan diadakan pada **8 dan 9 Mei 2012** bertempat di Dataran Letak Kenderaan Kompleks Perdanasiswa dan di Dataran Letak Kenderaan Bangunan Peperiksaan, Universiti Malaya.

Sehubungan dengan itu, sukacita sekiranya tuan/puan dapat memberikan kerjasama dan bantuan dengan sewajarnya kepada pelajar/kumpulan pelajar yang berkenaan bagi membolehkan mereka menjalankan tugas Praktikum Hari Keusahawanan dan aktiviti yang berkaitan dengan jayanya.

Sekian, kerjasama tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Yang benar,

**PROF. DR. MAYA KHEMLANI DAVID**  
Ketua